

21/10/2001

Usaha terbaik bela rakyat

KANGAR: Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim menyifatkan Belanjawan 2002 yang dibentangkan di Parlimen, kelmarin sebagai terbaik dalam usaha membela rakyat terutama yang berpendapatan rendah.

Menurutnya, Belanjawan 2002 yang dibentangkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu membuktikan keprihatinan dan kebijaksanaan kerajaan dalam menguruskan kewangan negara.

"Bagi saya, belanjawan 2002 itu bukan saja bersifat mesra rakyat, malah boleh dianggap `pembelaan rakyat' di seluruh negara. Ia adalah satu belanjawan yang bersejarah dan terbaik setakat ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Kelab Pengguna bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bintong, di Taman Bunga Padi, dekat sini, semalam.

Shahidan berkata, belanjawan itu dianggap terbaik dan bersejarah kerana ia dibentangkan ketika banyak negara di dunia terbabit dengan pelbagai masalah, terutama kejatuhan ekonomi selepas peristiwa serangan pengganas ke atas Pusat Perdagangan Dunia di New York pada 11 September lalu.

(END)